

**TANDA, PENANDA DAN PETANDA DALAM
ENTELAH IBAN**

PATRICIA ANAK GANING

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI & WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

Judul : **Tanda, Penanda dan Petanda dalam *Entelan Iban***

Ijazah : **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

Saya **Patricia Ganing**, sesi pengajian **2013-2016**; mengaku membenarkan tesis Ijazah Doktor Falsafah ini disimpan di perpustakaan universiti malaysia sabah dengan syarat-syarat seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Siala tanda (/).

SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972).

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi /badan dimana penyelidikan dijalankan).

TIDAK TERHAD



Patricia Anak Ganing

Pustakawan

Tarikh: 5 September 2016




Disahkan oleh,
NURULAIN BINTI ISMA
LIBRARIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

5 September 2016



Patricia Ganing

DC1321001T


PENGESAHAN

NAMA : **PATRICIA GANING**
NO MATRIK : **DC1321001T**
TAJUK : **TANDA, PENANDA DAN PETANDA DALAM
ENTELAH IBAN**
IJAZAH : **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**
VIVA DATE : **2 SEPTEMBER 2016**

DISAHKAN OLEH ;

1. PENYELIA

Prof Madya. Dr Asmiaty Amat

Tandatangan


PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Penyelia, iaitu Profesor Madya Dr. Asmiaty Amat atas segala nasihat, tunjuk ajar, teguran dan bimbingan yang telah diberikan sepanjang tempoh penulisan tesis ini. Atas usaha beliau melaksanakan tugas sebagai penyelia dengan penuh keikhlasan, maka kajian ini mendapat keberkatan apabila kajian ini dapat disiapkan mengikut masa yang telah ditetapkan. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada semua tenaga akademik dan bukan akademik Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Pascasiswazah dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

Seterusnya sekalung penghargaan kepada Encik Lokman Abdul Samad, Dr.Puad Bebit, Dato Seri Edmund Langgu, Encik Janang Ensiring, Dr. Chemaline Osup, Lemambang Abang, (Seratok) Lemambang Chendang (Ulu Niah) dan orang perseorangan yang telah banyak menghulurkan bimbingan. Tidak lupa juga Tun Jugah Foundation, Dayak Cultural Foundation, organisasi kerajaan dan swasta yang telah ditemuramah dalam proses pengumpulan kesemua *entelah* dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan sosiol budaya masyarakat Iban. Tanpa bantuan mereka adalah mustahil untuk saya menyiapkan kajian ini.

Salam penuh kasih sayang buat anakku Herson Libau, kedua Ibu bapa, iaitu Encik Ganing ak Jengi dan Puan Sati ak Mesa, insan tercinta dan seluruh ahli keluarga yang lain atas sokongan dan dorongan sepanjang pengajian ini. Sesungguhnya, kajian ini adalah hadiah untuk kalian semua dan seluruh keturunan kita. Terima kasih atas galakkan yang diberikan sehingga saya belajar ke peringkat ini dan juga sepanjang kajian dilakukan.

Patricia ganing
2 September 2016

Batu Niah,
Miri Sarawak.

ABSTRAK

Entelah adalah teka-teki yang dimiliki oleh orang Iban. Bentuk dan pengucapan *entelah* memiliki kandungan penyataan, tetapi terdapat entelah yang memiliki tempat atau menua, pembayang dan jawapan. Kajian ini dijalankan kerana keunikan bahasa yang diguna, dan perwakilannya terhadap masyarakat Iban dan persekitaran kehidupan mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kerja lapangan yang telah mengumpulkan sebanyak 508 *entelah*Iban di daerah Sebauh, Subis dan Bakong. Seramai 30 orang pakar entelah telah ditemubual dan hasilnya 146 entelah dapat dikumpulkan dan diterjemahkan. Selain itu, sebanyak 62 *entelah* yang dikumpulkan dari Tun Jugah Foundation diterjemah, dan 300 entelah yang telah dikumpulkan dari tesis sarjana sebelum ini turut dimasukkan untuk mendapatkan koleksi entelah yang selengkap mungkin bagi tujuan analisis. Pengkaji menggunakan teori semiotik Charles Sanders Peirce untuk mengkaji hubungan tanda, penanda dan petanda dalam *entelah*. Kajian mendapati bahawa bentuk *entelah*sendiri telah menonjolkan tanda yang menggambarkan pandangan dunia masyarakat Iban terhadap kepercayaan dan kehidupan mereka. Kajian turut mendapati tiga tanda bererti dalam *entelah* iaitu, Dewi Kumang, babi dan pokok tualang. Dewi Kumang telah mengacukan penanda kuasa sakti, kecantikan, kebijaksanaan dan kepintaran, ketinggian budi pekerti dan ketaatan kepada suami. Manakala penanda kepada tanda babi adalah seperti kekuatan, penyucian, pendamaian, simbol ramalan, berpindah randah, petunjuk, penyembuhan dan simbol keibuan. Pokok tualang pula mengacukan penanda pemilikan, kualiti, hormat-menghormati, dan perlindungan. Dalam struktur fizikal *entelah*, Dewi Kumang hanya terletak pada kandungan penyataan. Manakala babi dan pokok tualang pula terletak pada kandungan penyataan, tempat, pembayang dan jawapan *entelah*. Ketiga-tiga tanda ini membawa penanda yang akhirnya memperlihatkan petanda kepercayaan dan kehidupan masyarakat Iban secara keseluruhannya.

ABSTRACT

Sign, signifier and Signified in Iban's Entelah

Entelah or Iban riddles belong to the Iban community. The riddles' spoken form contains a content statement, but some riddles also mention place or menua, clues and answers. This study was carried out due to the uniqueness of the language used and its representation of the Iban community and their living environment. A total of 508 riddles were gathered during fieldwork from the Iban community in Sebauh, Subih and Bakong districts. Thirty entelah experts were interviewed and 146 riddles were collected from them and translated. Another 62 riddles were collected from the Tun Jugah Foundation and translated. A collection of 300 riddles from a Masters thesis were also included to achieve as complete a collection of riddles as possible for analysis. Charles Sanders Peirce's semiotics theory was used to study the relationship of sign, object and interpretant in the riddles. The form of the riddles demonstrates objects that reflect the worldview of the Iban community towards their beliefs and lives. Three dominant objects were identified in the riddles, i.e., the Goddess Kumang, pig and tualang tree. Goddess Kumang is a sign for magical power, beauty, wisdom, intelligence, high morals and obedience to husband. The pig is a sign for strength, purification, peace, prediction, nomadic aspect, guidance, healing and motherhood. The tualang tree is a sign for ownership, quality, mutual respect and protection. Within the construct of the riddles, Dewi Kumang is only featured in the content statement; the pig and tualang tree are featured in the content statement, place, clue and answer. These signs signify the three objects, which point to the interpretant that riddles represent the whole beliefs and lives of the Iban community.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI RAJAH	xiii
 BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 permasalahan kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Metodologi Kajian	6
1.6 Kerangka Teoritikal	8
1.6.1 Teori Semiotik	8
1.6.2 Pendekatan Sanders Pierce	9
1.7 Analisis Data	10
1.8 lokasi kajian	10
1.9 Batasan Kajian	11
1.10 Kepentingan Kajian	11
1.11 Pembahagian Bab	12



BAB 2 : LITERATUR KAJIAN

2.1 Pengenalan	15
2.2 Masyarakat Iban	15
2.3 Kepercayaan Masyarakat Iban	17
2.4 Kajian Teka-Teki	24
2.5 Kajian Menggunakan Teori Semiotik	36
2.6 Kesimpulan	36

BAB 3 : TEORI SEMIOTIK

3.1 Pengenalan	48
3.2 Teori Semiotik	48
3.2.1 Teori Semiotik Charles Sander Pierce	53
3.3 Justifikasi Pemilihan Teori	60
3.4 Kesimpulan	66

BAB 4 : TANDA DALAM PENCERITAAN *ENTELAH*

4.1 Pengenalan	67
4.2 Tanda dalam <i>Entelah</i>	67
4.2.1 Kepercayaan	70
4.2.2 Aktiviti Peperangan	84
4.2.3 Aktiviti Memburu	94
4.2.4 Aktiviti Memungut Hasil Hutan	100
4.2.5 Aktiviti Pertanian	103
4.2.6 Aktiviti Perikanan	105
4.3 Kesimpulan	106

BAB 5 : TANDA, PENANDA DAN PETANDA DEWI KUMANG

DALAM ENTELAH IBAN

5.1	Pengenalan	108
5.2	Tanda, Penanda Dan Petanda dalam <i>Entelah</i>	108
5.3	Tanda, Penanda dan Petanda dalam Dewi Kumang	109
5.3.1	Penanda dan Petanda Kuasa Sakti	110
5.3.2	Penanda dan Petanda Kecantikan	120
5.3.3	Penanda dan Petanda Kebijaksanaan dan Kepintaran	125
5.3.4	Penanda dan Petanda Ketinggian Budi Pekerti	128
5.3.5	Penanda dan Petanda Ketaatan Kepada Suami	130
5.4	Kesimpulan	137

BAB 6 : TANDA, PENANDA DAN PETANDA BABI DALAM

ENTELAH IBAN

6.1	Pengenalan	138
6.2	Tanda, Penanda dan Petanda Babi	138
6.2.1	Penanda dan Petanda Kekuatan	140
6.2.2	Penanda dan Petanda Penyucian	144
6.2.3	Penanda dan Petanda Perdamaian	157
6.2.4	Penanda dan Petanda Ramalan	159
6.2.5	Penanda dan Petanda Penghijrahan/Menggembara	166
6.2.6	Penanda dan Petanda Petunjuk	169
6.2.7	Penanda dan Petanda Penyembuhan	171
6.2.8	Penanda dan Petanda Keibuan	173
6.2.9	Penanda dan Petanda Status	177
6.2.10	Penanda dan Petanda Kerajinan	178
6.3	Kesimpulan	180

BAB 7 : TANDA, PENANDA DAN PETANDA POKOK TUALANG

DALAM ENTELAH

7.1	Pengenalan	181
7.2	Tanda Pokok Tualang	181
7.2.1	Penanda dan Petanda Keberanian	184
7.2.2	Penanda dan Petanda Pemilikan	189
7.2.3	Penanda dan Petanda Simbol Kualiti	192
7.2.4	Penanda dan Petanda Hormat-Menghormati	194
7.2.5	Penanda dan Petanda Kegagahan	196
7.2.6	Penanda dan Petanda Perlindungan	198
7.3	Kesimpulan	201

BAB 8 : KESIMPULAN	202
---------------------------	-----

BIBLIOGRAFI	206
--------------------	-----

LAMPIRAN A	214
-------------------	-----

LAMPIRAN B	222
-------------------	-----

GLOSARI	213
----------------	-----

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Trikotomiikon/indeks/simbolPeirce	57
Jadual 5.1 : PengkelasanPenandaKecantikan	120
Jadual 5.2 : PengkelasanPenandaKebijaksanaandanKepintaran	125
Jadual 5.3 : PengkelasanPenandaKetinggian Budi Pekerti	129
Jadual 6.1 : PengklasifikasianTandaBabi	180
Jadual 7.1 : Pengklasifikasian Penanda kepada Tanda pokok tualang	201
Jadual 8.2 : Pengklasifikasi Tiga Tanda Dominan dalam <i>Entelah</i>	204



SENARAI GAMBAR

Halaman

Gambar 5.1 : DewiKumang (GambarHiasan)	136
Gambar 6.1 : Azimat Taring Babi	142
Gambar 6.2 : Seekor Ibu Babi Menyusukan Anaknya yang mengambarkan Simbol Keibuanan.	175
Gambar 7.1 : Pokok Tualang /Tapang yang memiliki memiliki batang yang tinggi dan kanopi yang rendang.	182

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Proses Penciptaan <i>Entelah</i> Menggunakan Kaedah Pertama	33
Rajah 2.2 : Proses Penciptaan Menggunakan Kaedah Kedua	34
Rajah 2.3 : Pengabung jalinan Teori Semiotik Peirce dan Morris	45
Rajah 3.1 : Teori Segi Tiga Peirce	55
Rajah 3.2 : Penelitian Tahap <i>pertama</i> (<i>firstness</i>) Tanda	63
Rajah 3.3 : Penelitian Tanda Tahap Kedua	63
Rajah 3.4 : Proses Mengkategorikan Penanda berdasarkan pemahaman	64
Rajah 3.5 : Penelitian Tahap ketiga	65
Rajah 4.1 : Carta Pai Pengelasan <i>Entelah</i>	68
Rajah 4.2 : Hubungan Antara Sistem Karya Dan Luar Karya	69
Rajah 4.3 : Sistem Luar Karya	70
Rajah 4.4 : Ungkapan Tempat Hantu Tempat Tuhan Dan tempat Kita tempat dia	83
Rajah 5.1 : Model Analisis Tanda, penanda dan Petanda Dalam <i>Entelah</i> menurut kefahaman daripada teori Charles Sanders Pierce	108



Rajah 5.2 :	Struktur Fizikal Entelah	109
Rajah 5.3 :	Mimpi Yang Menghubungkan Manusia, Tuhan Dan Alam Baka.	112
Rajah 5.4 :	Tahap Kedua Dan Ketiga Penelitian Simbol bererti diubahsuai daripada pemahaman terhadap penanda tahap kedua Charles Sanders Peirce	135
Rajah 6.1 :	Rupa bentuk fizikal seekor Babi	139
Rajah 6.2 :	Kebarangkalian istilah babi digambarkan dalam struktur fizikal <i>entelah</i>	140
Rajah 6.3 :	Kaedah pemeliharaan babi oleh masyarakat Iban pada zaman dahulu	147
Rajah 6.4 :	Mengorbankan Untuk Tujuan Penyucian.	155
Rajah 6.5 :	Model Perahu Yang Berisi Bangkai Haiwan Dan Serangga Perosak untuk dihanyutkan Pada Sebatang Sungai.	156
Rajah 6.6 :	Hati Babi	161
Rajah 7.1 :	Kebarangkalian istilah pokok tualang digambarkan dalam struktur fizikal <i>entelah</i>	183
Rajah 7.2 :	Tatu / <i>Tegulun</i> pahlawan Iban.	188
Rajah 7.3 :	Sarang Lebah digantung pada buaian sebagai penanda perlindungan	200
Rajah 8.1 :	Kemunculan Tanda Beerti Daripada Sistem Luar karya <i>Entelah</i>	203

SENARAI LAMPIRAN

Halaman

Lampiran A	:	Maklumat Responden	214
Lampiran B	:	Data Lapangan Daripada Daerah Sebauh, Daerah Subis dan Daerah Bakong	222



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masyarakat Iban merupakan etnik majoriti di negeri Sarawak. Pihak penjajah pada zaman dahulu juga turut mengenali masyarakat Iban sebagai Dayak laut. Erik Jensen (15:1974), *to the outside world the Iban were first known as Sea Dyaks. The word "dyak" or Dayak" has been widely used, in particular by a Dutch colonial administration in East Indies, to signify any non-Malay native.* Chemaline (2011a), turut menyatakan bahawa kaum Iban dianggarkan berjumlah 500,000 menghuni Sarawak. Walaupun terus dikenali sebagai Dayak laut, namun perkataan Iban telah lama digunakan di sebahagian negeri Sarawak pada masa itu.

Orang Iban ialah satu puak bangsa keturunan Melayu Jati atau disebut dalam Bahasa Inggeris "Proto Malays". Bahasa Iban adalah milik mutlak masyarakat Iban sejak zaman dahulu. Bahasa Iban seakan sama bunyinya dengan Bahasa Melayu. Masyarakat Iban menggunakan Bahasa Iban untuk berkomunikasi sesama sendiri walau di mana mereka berada. Bahasa Iban telah lama digunakan sebagai lingua franca semasa pemerintahan kerajaan Sultan Brunei untuk urusan kerajaan, berkomunikasi, perniagaan dan sebagainya (Chemaline, 2011c). Semasa pemerintahan Rajah Brooke di Sarawak, Bahasa Iban telah dijadikan Bahasa vernakular dan bahasa rasmi untuk segala urusan pemerintahan Rajah Brooke pada masa itu. Chemaline (2011a.40) menambah:

Jaku Iban jeman perintah Brooke udah ditanggam nyadika jaku resmi ba pelilih menua Sarawak ti dipegai Brooke. Nya alai iya lalu nyadika lingua franca, ukai semina dikenai rayat Sarawak enggau Kalimantan aja tang jaku tu mih ti dikenai bala Iban ngenataika serebana tauka peminta ngagai perintah.

Terjemahan:

Semenjak daripada pemerintahan Raja Brooke lagi, Bahasa Iban telah dijadikan sebagai bahasa rasmi di seluruh Sarawak. Oleh itu, Bahasa Iban bukan sahaja dijadikan sebagai lingua franca di Sarawak malah di Kalimantan. Bahasa Iban juga digunakan untuk menyampaikan aduan ataupun permintaan kepada kerajaan pada masa itu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Masyarakat Iban turut memiliki puisi yang mempunyai nilai keindahan tersendiri. Puisi masyarakat Iban dikenali sebagai *leka main* yang terbahagi kepada tiga, iaitu puisi hiburan, puisi *adat basa* dan puisi invokasyen. Setiap puisi berlatar belakangkan kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban tradisional. Puisi Iban dikategorikan seperti berbentuk hiburan atau *leka main pemerindang*, *adat basa* atau adat dan *invokesyen* atau keagamaan adalah berlandaskan kepada fungsi-fungsinya. Walaupun tergolong dalam kategori yang sama namun, cara menyampaikan puisi-puisi ini adalah berbeza.

Puisi berbentuk hiburan atau *pemerindang* bertujuan untuk menghiburkan individu di majlis keramaian ataupun untuk mengisi masa senggang. Puisi yang berbentuk *adat basa* pula berfungsi untuk tujuan memberikan penghormatan kepada individu dalam majlis-majlis rasmi. Puisi berbentuk invokasyen adalah berfungsi untuk tujuan keagamaan dan kepercayaan. Salah satu puisi yang sangat digemari oleh pelbagai lapisan masyarakat Iban ialah *entelah* atau teka-teki. *entelah* tergolong dalam puisi berbentuk hiburan. Teka-teki adalah satu kalimat atau ungkapan yang disampaikan menerusi bahasa penuturnya seperti teka-teki Jawa menggunakan bahasa Jawa, teka-teki Melayu menggunakan bahasa Melayu dan teka-teki Kadazandusun dikenali sebagai Kadazandusun. Menerusi teka-teki biasanya tercermin pola fiikir, khazanah budaya, nilai dari masyarakat pemilik teka-teki. Jelaslah bahawa teka-teki juga turut mengandungi gambaran kebudayaan sesuatu bangsa yang menuturkannya (Sukatman, 2009).

Selain daripada itu, teka-teki turut memiliki fungsi tertentu kepada masyarakat penuturnya. Namun demikian, semua teka-teki di dunia tetap memiliki fungsi umum yang sama seperti untuk menguji minda, hiburan, pendidikan dan sebagainya.

Walaupun memiliki persamaan dari aspek fungsi, namun teka-teki seluruh dunia juga memiliki perbezaan dari segi bentuk penyataannya. Teka-teki setiap bangsa di dunia tetap memiliki keunikan dan keindahan sasteranya yang tersendiri.

Demikian *entelah* yang tergolong dalam *leka main* atau puisi berbentuk hiburan berfungsi untuk menguji minda, hiburan, alat interaksi antara masyarakat Iban. Keunikan *entelah* jelas menunjukkan perbezaannya berbanding dengan teka-teki lain di seluruh dunia. Ciri yang menjadikan *entelah* berbeza dengan teka-teki lain di dunia adalah keunikan struktur fizikalnya. *Entelah* telah dibahagikan kepada beberapa bahagian berdasarkan struktur fizikalnya. Patricia ak Ganing (2013), telah memecahkan penciptaan *entelah* kepada dua kaedah, iaitu menggunakan kaedah pertama dan kaedah kedua. Kedua-dua kaedah ini memiliki struktur fizikal yang sangat menarik dan terdapat sedikit perbezaan. Struktur fizikal *entelah* menggunakan kaedah yang pertama terdiri daripada kandungan penyataan atau *suar*, pembayang atau *ulu lungga* dan jawapan atau *lalai*. Manakala struktur fizikal *entelah* yang kedua pula terdiri daripada kandungan penyataan atau suar, pembayang atau *ulu lungga*, tempat atau *menua* dan jawapan atau *lalai*. Berikut ditunjukkan dua jenis struktur fizikal *entelah* menggunakan kaedah pertama dan kedua:

Struktur fizikal *entelah* menggunakan kaedah pertama:

(E6)	<i>Bunut bebukut, Tambi ke mutah.</i>	} kandungan penyataan
	<i>Ulu lungga : burung kubuk Ngelalaika : tudung periuk</i>	

Terjemahan:

Orang Bunut yang bertumbuk
Orang India yang muntah.

Pembayang: burung kubuk

Jawapan: penutup periuk

Struktur fizikal *entelah* menggunakan kaedah kedua:

Entelah.

(E244) *Ngelai lama udah lesi bebadi laya sulai,
Dia iya lalu dipelian ka Jaban Manang Matai,
Nya baru ia nyau tau enggau urang ngelayu,
Ka punggai dabong rang Lulung lama udah lesi,
Bebadi laya chundang,*

*Dia iya lalu dipelian ka Jaban Manang Lambong,
Udah iya dipelian ka Jaban Manang Lambong,
Nya baru iya nyau tau enggau orang ngalu,
Lai nyakai Bujang Sengalang Burung,
Datai ari kebung langit ngeruang.*

kandungan
pernyataan

*Menua lama : di ai bereni dalam berenang,
sungai panjai kapar batang*

} tempat lama

*Menua baru : di rebut muput labor api,
lebak karak tebelian wi*

} tempat baru

Ulu lungga : putung tanchut beli Telu

} pembayang

Ngelalaika : tekuyung dipuput nyadi kapu

} jawapan

Terjemahan :

Ngelai sudah lama meninggal,
Lalu diadakan upacara jampi oleh Pawang Jaban Matai,
Kemudian dia dapat menyertai perubahan,
Pergi ke tempat orang yang sudah meninggal dunia
Mati kerana kemalangan,
Dia terus dijampi Pawang Lambong
Sudah dijampi oleh pawang lambong
Setelah dijampi oleh pawang Lambong,
Barulah dia dapat menyertai orang membeli barang,
Lai Nyakai Bujang Sengalang Burung,
Datang dari langit.

Tempat lama : di dalam sungai bergelombang dalam, sungai panjang
batang kapar

Tempat baru : di ungun api yang sedang marak , gaung timbunan rotan
Pembayang maksud: potongan seluar dibeli Telur

Jawapan: Kulit siput yang dibakar menjadi kapur

Sastera lisan seperti *entelah* yang diwarisi daripada generasi ke generasi adalah aset yang sangat tidak ternilai harganya. Keindahan *entelah* sebagai sebuah karya sastera jelas mengandungi pandangan dunia sesebuah masyarakat. Melalui sastera

akan mencerminkan budaya sesebuah masyarakat. Misalnya, dalam sastera Melayu akan tergambarinya pandangan dunia masyarakat Melayu dalam karya-karya sastera mereka. Masyarakat Iban juga tidak terkecuali dengan kelaziman ini. Cerminan berkaitan dengan budaya hidup masyarakat disampaikan secara tersurat atau tersirat. Oleh itu, muncul tanda-tanda atau simbol-simbol dalam sastera lisan yang mengandungi pandangan dunia masyarakat. *Entelah* atau teka-teki masyarakat Iban memancarkan pandangan dunia mereka atau *world view* mereka.

1.3 Permasalahan Kajian

Entelah hanyalah teka-teki yang dimiliki oleh masyarakat Iban sebagaimana yang dimiliki oleh masyarakat lain di dunia. Kajian Patricia (2013), Benedict sandin (1964), Chemaline osup (2006), Tun jugah (2011) mendapati bahawa bentuk *entelah* unik berbanding teka-teki lain kerana bentuk dan struktur kebanyakkan memiliki menua pada pernyataan, pembayang dan jawapan *entelah* tidak mempunyai perkaitan.

Entelah sebenarnya lebih istimewa kerana kandungan pernyataan, tempat, pembayang dan jawapan memperlihatkan banyak tanda yang perlu dirungkaikan. Tanda-tanda tersebut bukan hanya diletakkan sembarono oleh penciptanya tetapi memiliki makna yang perlu dirungkaikan. Setelah tanda-tanda tersebut dikenal pasti, ia perlu ditafsir bagi memperlihatkan sama ada wujud hubungan yang rapat antara *entelah* dan sistem kepercayaan serta kehidupan masyarakat Iban. Sehubungan dengan itu fungsi *entelah* sebagai alat hiburan yang memiliki fungsional terhadap kepercayaan dan kehidupan masyarakat dapat ditonjolkan. Perkara ini bererti bahawa *entelah* bukan semata-mata berfungsi sebagai hiburan tetapi memiliki pemikiran dan nilai masyarakat Iban.

1.4 Objektif Kajian

Oleh hal yang demikian kajian ini perlu dilakukan bagi mencapai objektif tersebut dibawah:

- i. Mengenalpasti dan menganalisis tanda yang terkandung dalam bentuk penceritaan serta tanda yang memberi erti dalam *entelah*.
- ii. Menganalisis tanda dalam *entelah* dengan memberi tafsiran berpandukan

- teori semiotik.
- iii. Menganalisis fungsi tanda, penanda dan petanda dalam *entelah* yang berkaitan dengan kepercayaan dan kehidupan masyarakat Iban.

1.5 Metodologi dan Kaedah Kajian:

Penyelidikan ini berorientasikan kerja lapangan sepetimana yang selalu diguna pakai oleh pengkaji tradisi rakyat. Melalui kerja lapangan, pengkaji turut ke lapangan untuk mengumpul data. Kerja lapangan ini dilakukan sebagai pekerjaan kesarjanaan yang menggunakan instrumen:

i. Penetapan Informan

Menentukan informan-informan yang berkemahiran dalam puisi-puisi tradisional khasnya *leka main entelah*. Informan-informan terdiri daripada ketua adat dan ketua kaum. Pemilihan ini penting supaya melicinkan lagi proses temubual dilakukan. Pemilihan informan-informan ini adalah meliputi ketiga-tiga daerah yang dipilih, iaitu daerah Sebauh, Daerah Subis dan Daerah Bakong. Ketua adat dan ketua kaum di ketiga bahagian ini dapat menentukan senarai penduduk daripada kawasan atau daerah masing-masing yang memiliki kemahiran dalam menuturkan *entelah*. Cara sedemikian bagi mengelakkan pengkaji mengalami kesukaran untuk menentukan individu yang memiliki kemahiran menuturkan *entelah*. Di samping itu, penentuan informan menerusi ketua adat ini mampu untuk mengelakkan berlakunya sebarang kecinciran maklumat. Informen-informen yang telah ditemubual terdiri daripada Lemambang Abang anak Saga, Lemambang Lau, Encik Chaling, Dato Sri Edmund Langgu, Encik Janang Ensiring, Encik Edmund Kumbung, Encik Lumpoh Entamin, Encik Ganing anak Jengi, Puan Sati anak Mesa, Puan Yah anak Mesa, Encik Francis, Encik Jana ak Tada, Puan Ngeang ak Balung dan Encik Encik Mesa ak Jangga.

ii. Temubual

Selain daripada informan yang memberikan data *entelah*, temu bual secara tidak berstruktur dilakukan bersama masyarakat Iban yang dikenalpasti arif

dalam bahasa dan kepercayaan Iban seperti Dato' Sri Edmund Langgu, Dr Chemaline, Lemambang Abang dan Lemambang Lau dan Encik Chaling.

iii. Pemerhatian

Pemerhatian secara langsung juga diterapkan dalam kerja lapangan. Kaedah ini melibatkan pemerhatian keberlangsungan *entelah* dalam kalangan masyarakat Iban ketika dalam kelompok-kelompok tertentu. Pemerhatian ini boleh berlangsung ketika mereka di rumah panjang atau ketika mengerjakan aktiviti pertanian seperti bersawah dan bekebun.

iv. Rakaman

Alat rakaman audio seperti pita, cakera padat, alat perakam suara digunakan ketika melakukan rakaman lapangan kajian. Perkara ini penting bagi mengelakkan sebarang keciran maklumat.

v. Transkripsi

Setelah rakaman dilakukan, *entelah* berbentuk teks verbatim yang telah dikumpulkan diterjemahkan dalam bahasa Melayu mengikut konteks dan tidak diterjemahkan secara perkataan demi perkataan kerana dikhawatir maksudnya tidak tepat. Terjemahan kepada bahasa Melayu dilakukan dengan membuat rumusan secara keseluruhan tentang penerangan sesebuah *entelah*.

Penterjemahan merujuk kepada pakar bahasa Iban, iaitu Dr. Chemaline dan Dato' Sri Edmund Langgu selain ketua-ketua kaum dan ketua keagamaan seperti *Lemambang* Abang bagi menerangkan perkataan-perkataan yang tidak difahami dalam bahasa Iban. Seterusnya pengkaji menterjemahkan kepada bahasa Melayu yang memiliki maksud yang sama.

Penelitian berbentuk kualitatif digunakan kerana bersesuaian dengan data yang berbentuk kata, frasa dan ungkapan yang terkandung dalam *entelah*. Sumber data yang digunakan dalam penelitian ini dikelompokkan menjadi dua, iaitu data primer dan data sekunder.

a. Data primer

Pengkaji mengutip data di lapangan seperti daerah Sebauh, daerah Bakong dan Daerah Subis untuk mengutip 146 buah *entelah* daripada informan yang telah dipilih.

b. Data skunder

Pengkaji juga telah meneliti sebanyak 63 buah *entelah* yang telah didokumentasikan oleh Tun Jugah Foundation. Pihak Tun Jugah Foundation hanya bertindak mendokumentasikan *entelah*. Oleh kerana itu, data ini sangat bertepatan untuk dikaji dengan lebih mendalam lagi. *Entelah* yang telah didokumentasikan belum pernah dikaji oleh mana-mana sarjana sebelum ini.

Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan sebanyak 300 buah teka-teki yang telah didokumentasikan oleh Patricia (2013) dalam kajian sarjananya. Kajian ini adalah berbeza skop penelitiannya kerana ia lebih memfokuskan penelitian terhadap tanda yang terkandung dalam *entelah*. Seterusnya pengkaji meneliti petanda yang diinterpretasikan oleh tanda.

1.6 Kerangka Teoritikal

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori semiotik.

1.6.1 Teori Semiotik

Teori semiotik merupakan salah satu kritikan yang penting dan popular dalam bidang bahasa dan kesusastraan. Teori semiotik merupakan salah satu pembacaan, kajian dan analisis yang merujuk kepada tanda-tanda di dalam teks-teks sastera. Pemikiran bahawa sastera yang menggunakan wahana bahasa itu ditegaskan sebagai sistem tanda, dan merupakan satu kesatuan antara dua aspek penanda dan petanda yang tidak terpisahkan (Mana Sikana, 2012:33). Tanda-tanda yang wujud dalam kehidupan manusia harus difahami melalui analisis budayanya. Dalam kehidupan manusia iaitu melalui pertuturan, gerak laku dan perbuatan mempunyai sistem perlambangan. Maka perlambangan ini adalah sahih, kabur dan sukar difahami serta hanya dapat diselongkar melalui satu disiplin yang mantap.

BIBLIOGRAFI

- _____. 2001b. *The Encyclopedia of Iban Studies, Vol 2*, The Tun Jugah Foundation.
- Abdul Halim Ali. 2011. *Pengantar Teori dan Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Agitha Fregina Pondang. 2013. *Analisis Semiotik Iklan A Mild Ahead versi "Dorong Bangunan" di Televisi*. Jurnal Acta Diurna. 1(1). <http://ejournal.unsrat.ac.id/actadi>
- Alex Sobur, M.Si. 2009. *Semiotika Komunikasi*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Alfan Noor Rakmat. 2009. *Simbolisasi Konflik Sosial Dalam Novel Hubbub Karya Mahsuni: Sebuah Pendekatan Semiotik*. Tesis Sarjana. Surakarta: Universiti Sebelas Maret Surakarta.
- Ann Wan Seng. 1996. *Kepercayaan Orang Cina*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Anthonay Richard. 1981. *An Iban-English Dictionary*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Benedict Sandin. 1962. *Sengalang Burung*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Benedict Sandin. 1964. *Raja Durong*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Benedict Sandin. 1980. *Iban Adat and Augury*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Benedict Sandin. 2010. *Raja Singalang Burung*. Sibu: Vickskill Printing Sdn.Bhd

Beuchat, P.D. 1965. Riddles in Bantu. Dalam Dundes, Alan (ed). *The Study of Folklore*. 182-205. New Jersey: Prentice Hall Inc.

Boniface Jaraw.1963. *Entelah Iban*. Kuching: Borneo Literature Bureau.

Casper Kayong Umping. 2010. *Begiga Entellah*. Sibu: Vicskill Printing Sdn.Bhd.

Casper Kayong Umping. 2010. *Raja Singalang Burung: The Legends of customary and Faith*. Sibu. Vicskill Printing Sdn.Bhd.

Chemaline ak Osup. 2006. *Leka Main: Puisi Rakyat Iban - Satu Analisis Tentang Bentuk dan Fungsi*. Tesis Doktor Falsafah. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Chemaline ak Osup. 2011a. *Sistem Jaku Iban*. Bintulu: Pegari Iban Production

Chemaline ak Osup. 2011b. *Litaricha Iban*. Bintulu: Pegari Iban Production.

Chemaline ak Osup. 2011c. *Waris Daya Idup Iban Vol I*. Bintulu: Pegari Iban Production.

Chemaline ak Osup. 2011d. *Waris Daya Idup Iban Vol II*. Bintulu: Pegari Iban Production.

Dundes, A. & Georges. 1963. *Toward a Structural Definition*. Paris: Mouton.

Feri Fadli & Totok Priyadi. 2016. *Kajian Semiotik Mantra Pengobatan Masyarakat Melayu Kecamatan Matan Hilir Selatan Kabupaten Ketapang*. Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran. 5 (1). <http://journal.um.ac.id/index.php/pendidikan-dan-pembelajaran>.

Halina Sendera Mohd. Yakin. 2013. *Semiotik Dalam Adat Kematian Bajau Sabah*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Harry Usop Umbar. 2015. Dayak Iban Borneo II: *Sejarah Bansa Dayak Iban*. Sibu. Syarikat Sungai Teras.

Hart, Donn V. 1964. *Riddle in Filipina: An Anthropological Analysis*. New York: Syracuse University Press.

Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Perbicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harun Mat Piah. 2007. *Pantun Sebagai Artefak Budaya*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

<http://scriptura.petra.ac.id/index.php/iko/article/view/16685>

<http://www.pd4pic.com/images/outline-drawing-cartoon-pig-wild-draw-hog-animal.png> diakses pada 30 September 2015.

<https://gmawar.wordpress.com/main-asal-Iban>

https://myhomogeniaga.blogspot.my/2011/03/hari-ketiga-eksplorasi-pena-lensa-di_9156.html

Inon Shaharuddin Abdul Rahman. 1974. *Beberapa Aspek Sastera lisan di Daerah Alor Gajah, Melaka*. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Inon Shaharuddin Abdul Rahman. 1988. *Teka-teki Warisan*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn.Bhd.

Jacinta Tangil. 2001. *Puisi Tradisional Kadazandusun: Satu Gambaran Kepercayaan*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

James Jemut Masing. 1981. *The Coming of Gods: A study of an Invocatory Chant (Timang Gawai Amat) of the Iban of the Baleh River of Sarawak*. Tesis PHD. Canberra: Australian National University Canberra.

Janang Ensiring & Jantan Umbat. 2004. *Ripih Pengawa Gawai Antu*. Kuching: The

Tun Jugah Foundation.

Janatan Binbang @ Janathan Kando. 2011. *Sundait Kadazandusun: Dokumentasi dan analisis*. Tesis Doktor Falsafah. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Jensen, Erik. 1974. *The Iban and their Religion*. London: Oxford University Press.

Jimmy Donald. 1993. *Chara Enggau Gaya Leka Main Iban*. Kuching: Vanguard Press Sdn. Bhd.

Joshua Melling. 1988. Aspek Sosial Kebudayaan Dan Keagamaan Masyarakat Iban Di Sarawak dlm. *Adat Resam Penduduk Sarawak*. Kuching: Kerajaan Negeri Sarawak.

Lokman Abdul Samad. 2011. *Sundait antara Lucu dan Luah Seni Pengucapan Teka-Teki*. Dlm. Dalam Mohd. Sarim Hj. Mustajab. Etnik dan Etnisiti. Kota Kinabalu Sabah: Universiti Malaysia Sabah.

Mana Sikana. 2012. *Teori Sastera Kontemporari*. Singapore. UTS Printing & Enterprise.

Marcellina Eka Pradita. 2013. *Tato Sebagai Sebuah Media Komunikasi Non Verbal Suku Dayak Bahau*. Jurnal Ilmu Komunikasi.1 (4): 1-15. <http://www.e-jurnal.com/2014/05/tato-sebagai-sebuah-media-komunikasi.html>.

Meechang Tuie. 1995. *Masyarakat Lun Bawang: Satu pengenalan*. Kuching. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Rashid Md Idris. 2011. *Nilai Melayu dalam Pantun*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd Taib Osman. 1976. *Panduan Pengumpulan Tradisi Lisan Malaysia*. Kuala Lumpur: Malindo Pinter Sdn Bhd.

Noria anak Tugang. 2011. *Ritual Kain Pua Dalam Budaya Iban Di Sarawak*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Noriza Daud. 2004. *Semiotik daripada Perspektif Islam: Konsepsi Lambang dalam Pantun Warisan Rakyat*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Nureeda Salaemae. 2007. *Metafora dalam Novel Penulis Wanita Melayu dan Thailand: Satu Analisis Semiotik*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Melaya.

Okumba Miruka. 1994. *Encounter With Oral Literature*. Nairobi: East African Educational Publishers Ltd.

Panuti Sudjiman dan Aart Van Zoest. 1996. *Serba-Serbi Semiotika*. Jakarta. Pt Gramedia Pustaka Utama.

Patricia anak Ganing. 2013. *Analisis Entelah Dalam Masyarakat Iban*. Tesis Sarjana. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Peter Kedit Muluk. 1993. *Iban Bejalai*. Kuala Lumpur. Ampang Press Sdn. Bhd.

Pierce, Charles Sanders. 1965. *Collected Paper Charles Sanders Pierce (Vol. I & II)*. Cambridge Massaschusett: The Belknap Press of Harvard University Press.

Pradopo, R. D. 1995. *Beberapa teori Sastera, Metode kritik, dan penerapannya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Rabiatal Adamiyah etc. 2013. *Logo McDonald's: Meneliti Pemikiran Khalayak Melalui Analisis Semiotik*. Jurnal Komunikasi. Jilid 29 (I). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rohana Usop. 1998. *Puisi Teka-Teki Dan Peranannya Dalam Masyarakat Melayu*. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rosazman Hussin, Jaliyah Md. Sahah dan Dayu Sansalu. 2012. *Orang Sungai*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Saidatul Normis Mahali. 2010. *Adat dan Ritual Kematian di Sabah*. Kota Kinabalu. Universiti Malaysia Sabah.

Saidatul Normis Mahali. 2012. *Bajau Pantai Barat*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Sukatman. 2009. *Butir-Butir Tradisi Lisan Indonesia, Pengantar Teori dan Pembelajarannya*. Yogyakarta: Laksbang Pressindo.

Tan Kiat Hoe. 2009. *Refleksi Unsur-Unsur Sosiobudaya Cina dalam Chengyu dari Aspek Semiotik*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohammad Ali. 2014. *Semiotik Dalam Novel-Novel Anwar Ridhwan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. 2006. *Semiotik dalam Novel-Novel Mohd.Ridhuan*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Thomas Geoffrey Kandawang, 2000. *Adat dan Upacara Kematian dalam Masyarakat Iban*. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Titi Nur Vidyarini. 2007. *Representasi Kecantikan dalam Iklan Kosmetik The Face Shop*. Jurnal Ilmiah SCRIPTURA 1 (2).

Tuan Zainab Wi. 2007. *Tanda Pemikiran dan Tanda Emosi Sangeetha: Kajian Semiotik*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Tun Jugah Faundation. 2009. *Entelah*. Kuching: Cardn Information Sdn Bhd.

Tun Jugah Faundation. 2011. *Bup Sereba Reti Jaku Iban*. Kuching: Cardn Information

Sdn Bhd.

William Howell. 1992. *The Sea and The Other Races of Sarawak*. Kuala Lumpur.
Dewan Bahasa Dan Pustaka.